

TRADISI LISAN DI ALOR GAJAH : SATU PEMBICARAAN RINGKAS

Oleh

INON SHAHARUDDIN ABD. RAHMAN
Universiti Kebangsaan Malaysia

SYNOPSIS

This article contains brief notes regarding six categories of folklore collected by the writer in early 1975. Most of these tales, especially those categorised under Märchen, show some similarities in various aspects with several popular märchen that have been published in the Malay Literature Series by Malayan Publishing House in 1957. At the same time, these tales also reveal certain dissimilarities in plot, structure and motif which, in the opinion of the writer, may be attributed to the peculiar lineage system and ethos of the local folk which differs from those of the authors of the published Märchen.

Cerita-cerita dongeng, yang disebut sebagai penglipur lara¹ oleh Maxwell (JMBRAS 1886), adalah sangat popular di kalangan orang Melayu di zaman pra-literate dan masih digemari di zaman ini. Ini mungkin disebabkan oleh sifat plot dan motif-motif yang menarik yang terkandung di dalam cerita-cerita penglipur lara itu. Cerita-cerita penglipur lara selalu memperkatakan suatu kisah percintaan yang penuh dugaan yang selalunya berakhir dengan kebahagiaan. Percintaan tokoh istimewa atau Wira dalam cerita-cerita itu, sama ada cinta terhadap ibu bapa ataupun kekasih, meminta pengorbanan yang amat besar daripadanya. Dalam pengembaraannya yang terjadi disebabkan hasutan ahli-ahli tilik yang jahat, atau kerana sesebuah mimpi yang mengghairahkan, ataupun untuk memenuhi idaman isteri yang sedang mengandung, Wira sentiasa saja mengalami peristiwa-peristiwa yang aneh dan kadang-kadang menggerunkan. Wira juga terpaksa menghadapi rintangan-rintangan yang hebat seperti raksasa dan serba macam kesaktian. Oleh kerana Wira sendiri pun mempunyai kegagahan dan kesaktian, rintangan-rintangan itu dapat diatasi dan akhirnya ia berjaya mendapatkan ganjaran yang dicarinya itu. Wira yang biasanya adalah seorang putera raja, yang mempunyai sifat-sifat dan kebolehan yang istimewa itu, akan pulang ke negerinya dan hidup bahagia selama-lamanya.

Persamaan dan Perbezaan

Di dalam beberapa hal, beberapa cerita rakyat yang telah dirakam di Alor Gajah² mempunyai persamaan dengan cerita-cerita penglipur lara yang telah disebutkan di atas, dan dalam beberapa hal pula terdapat perbezaan. Dari segi plot atau urut-

¹ Maxwell juga menggelar orang-orang yang menuturkan cerita-cerita ini sebagai Penglipur Lara. Bagaimanapun tidak seorang pun penutur profesional yang menggelar dirinya demikian. Sila lihat keterangan lanjut oleh Amin Aweeney, *JMBRAS* Vol. XLVI pt. 2 1973.

² Tajuk-tajuk cerita serta penutur disenaraikan dalam Lampiran I.

an peristiwa-peristiwa di dalam tiga daripada cerita-cerita yang dirakamkan, didapati tokoh-tokoh utamanya mengalami peristiwa-peristiwa berikut:

- i. tokoh meninggalkan kampung halaman kerana sesuatu sebab, misalnya,
 - Tuan Puteri belayar ke Bandar Huhom kerana hendak menemui tunangannya Lela Raja. (**Cerita Hantu Paku**)
 - Puteri Bungsu terhumban ke sebuah pulau yang terpencil semasa tali buaian yang dinaikinya putus. (**Cerita Tuan Puteri Tujuh Beradik**)
 - Si Bungsu masuk ke dalam hutan kerana disuruh oleh ayahnya untuk memetik pucuk paku. (**Cerita Bungsu Berlaki Ular**)
- ii. tokoh mengalami penderitaan, misalnya,
 - Puteri tunangan Lela Raja diperintah oleh raja (yang telah mengahwini Hantu Paku yang menyamar sebagai Tuan Puteri) untuk menjaga huma.
 - Puteri Bungsu yang terhumban ke pulau terpencil melahirkan anaknya di situ; kedua-duanya hidup dalam kesusahan.
 - Si Bungsu berjumpa ular sawa di dalam hutan.
- iii. happy ending, misalnya,
 - Lela Raja akhirnya mendapat tahu bahawa yang menjaga huma itu tunangannya yang sebenar. Lela Raja membunuh Hantu Paku, mengahwini Tuan Puteri dan hidup bahagia.
 - Mambang di Awan yang belayar dekat pulau itu terdengar suara Puteri Bungsu menyanyi. Mereka bertemu semula, dan ketiga beranak pun pulang ke negeri mereka dan hidup dalam kesenangan dan kemewahan.
 - Si Bungsu berkahwin dengan ular sawa. Ular sawa bertukar menjadi pemuda yang sangat kacak. Kulit/sarungnya yang dibakar menjadi kerbau lembu dan ayam itik.

Seperti yang telah dikatakan tadi, walaupun susunan plot 3 cerita dongeng yang dikutip menyerupai plot cerita-cerita penglipur lara seperti *Hikayat Malim Deman*, *Hikayat Awang Sulung Merah Muda* ataupun *Hikayat Raja Muda*, cerita-cerita yang lainnya mempunyai sedikit perubahan atau perbezaan, iaitu:

- i. tokoh yang belayar meninggalkan kampung halaman bukanlah tokoh utama. Misalnya, yang belayar di dalam cerita-cerita:
 - a. Ungka Siamang – Malim Bungsu, tunang Puteri Jeklan
 - b. Puteri Tujuh Beradik – Mambang di Awan, suami Puteri Bungsu (Bagaimanapun Puteri Bungsu juga terhumban ke sebuah pulau.)
 - c. Tuan Puteri Pucuk Kelumpang – Ayah tuan puteri Pucuk Kelumpang yang pergi belayar.
- ii. terdapat unsur trajedi
 - dalam cerita “**Ungka Siamang**,” ibu bapa Puteri Jeklan mati membunuh diri kerana menyesali perbuatan mereka yang menyebabkan Puteri Jeklan menjadi Siamang.
 - dalam cerita “**Si Pintau**,” Pintau mati membunuh diri kerana menyesali

- perbuatannya yang menyebabkan isterinya bertukar menjadi burung,
- dalam cerita “**Kerbau Jalang**,” kerbau Jalang yang tidak berdosa mati akibat perbuatan enam orang anaknya yang tidak mengenang jasa itu,
- iii. tokoh-tokoh utama dalam tujuh dari cerita-cerita dongeng itu adalah perempuan belaka manakala yang lelakinya adalah tokoh yang kedua pentingnya dalam cerita-cerita itu.

Perbezaan-perbezaan yang telah disebutkan di atas itu wujud kerana cerita-cerita itu bukanlah bertujuan sekadar untuk menglipur lara saja, tetapi juga untuk memberi pengajaran kepada pendengar-pendengarnya. Unsur-unsur tragedi, misalnya, menimbulkan kesedaran dan keinsafan terhadap buruknya padah tabiat orang yang terburu-buru mengambil sesuatu tindakan, atau bertindak semata-mata berdasarkan emosi – misalnya, **Bapa Tuan Puteri Pucuk Kelumpang**, setelah membunuh anaknya kerana nafsunya yang terburu-buru membenci anak perempuan, amat menyesali perbuatannya apabila melihat betapa cantiknya Tuan Puteri Pucuk Kelumpang itu.

Pemilihan wanita sebagai tokoh utama dalam cerita-cerita ini mungkin disebabkan oleh tiga perkara:

- a. Penutur-penutur cerita itu adalah perempuan yang telah mendengar cerita itu dari emak atau puannya (datuk perempuan);
- b. Cerita-cerita itu dituturkan kepada kanak-kanak. Tokoh-tokoh wirawati itu tentu sekali akan sesuai dengan jiwa kanak-kanak yang lemah lembut, yang lebih banyak berdamping atau rapat hubungannya dengan kakak, ibu dan nenek perempuan mereka daripada bapa yang sentiasa sibuk dengan kerja-kerja di luar rumah.
- c. Penduduk-penduduk di kawasan ini menganut Adat Naning yang bersifat Matrilineal dan Matrilocal. Dalam sistem matrilineal anak-anak adalah mengikut suku ibu, dan harta pusaka diwarisi oleh anak perempuan yang bungsu. Mungkin kerana hal inilah kita dapat dalam cerita-cerita itu puteri-puteri bungsulah yang baik dan akhirnya mendapat harta kekayaan dan kebahagiaan.

Motif

Dari segi motif pula, didapati terdapat beberapa motif di dalam cerita-cerita dongeng ini yang juga terdapat di dalam cerita-cerita penglipur lara dan cerita saduran yang tua seperti *Hikayat Seri Rama*. Di antara motif-motif itu ialah:

- a. Perubahan Rupa
 - dalam cerita **Ungka Siamang**, Puteri Jeklan bertukar menjadi ungka kerana melanggar sumpah setianya kepada Malim Bungsu; dan kemudian bertukar semula menjadi manusia selepas disumpit oleh Malim Bungsu.
 - dalam cerita **Si Pintau**, burung kurau menjelma menjadi seorang wanita, dan kemudiannya bertukar semula menjadi burung setelah menyanyi suatu lagu yang menyebabkan bulunya tumbuh.
 - dalam cerita **Bungsu Berlaki Ular**, ular sawa menjelma menjadi manu-

sia yang kakak setelah berkahwin dengan Si Bungsu.

- dalam cerita Kerbau Jalang, kerbau jalang itu sebenarnya manusia yang telah menjadi kerbau.

Motif penjelmaan ini terdapat di dalam *Hikayat Seri Rama*¹ iaitu Seri Rama dan Sita Dewi bertukar menjadi beruk setelah mandi di dalam sebuah kolam. Sebenarnya motif perubahan sifat atau penjelmaan ini berkait rapat dengan world-view orang Melayu yang menurut Skeat,² 'the root idea of the Malay world view is an all-pervading animism, involving a certain common vital principle (semangat) in Man and Nature,' Semangat yang disebut oleh Skeat itu meliputi, semangat nyawa dan roh yang ada pada manusia – ketiga-tiga unsur ini boleh meninggalkan badan manusia; dan apabila roh (yang ada hanya pada manusia) keluar dari badan manusia kerana terkejut atau lain-lain tekanan emosi manusia boleh bertukar menjadi binatang atau burung. Begitu juga kepercayaan orang Melayu tentang tumbuh-tumbuhan yang kuat atau pekat semangatnya boleh bertukar menjadi manusia.³

b. Motif 'tujuh'

Motif ini banyak terdapat di dalam cerita-cerita penglipur lara seperti *Hikayat Raja Muda* dan *Hikayat Malim Deman*. Dalam *Hikayat Malim Deman* terdapat kisah tujuh orang puteri yang turun ke dunia bersiram berpukas di dalam tamannya itu.⁴ Begitu juga di dalam *Hikayat Raja Muda* terdapat 'sebuah negeri di atas kayangan bernama Merchu Kemala, rajanya bernama Maharaja Indera Dewa ada berputera tujuh orang perempuan.'⁵ Dalam hikayat ini juga kita dapati Tuan Puteri Lindungan Bulan membekalkan suaminya 'kain chindai tujuh helai'⁶ dan kisah Bujang Selamat masuk ke dalam mulut ular 'merayap-rayap, merangkak-rangkak tujuh hari tujuh malam.'⁷ Dalam *Hikayat Awang Sulong Merah Muda* pula, kita dapati ketika Awang Sulong dilahirkan,

'Tujuh bilah lantai terpatah,
tujuh mengkawan atap terpatah,
.....'⁸

Dalam kehidupan orang Melayu pun, seringkali kita dengar orang yang mengandung sulung tujuh bulan biasanya mengadakan upacara 'melenggang perut'⁹, ataupun orang mengadakan kenduri arwah pada 'penujuh hari'¹⁰. Sebenarnya motif

¹ *Hikayat Seri Rama*; edisi W.G. Shellabear hal. 76–77.

² Skeat, W.W. *Malay Magic*. Macmillan & Co. Ltd. London 1900 hal. 579.

³ Sila lihat perbincangan lanjut di halaman 23.

⁴ Winstedt, R.O. & Strurrock, A.J. (ed.) *Hikayat Malim Deman*, MPH Ltd. Singapore 1957 hal. 25.

⁵ Pawang Ana & Raja Haji Yahya, *Hikayat Raja Muda*, Oxford University Press; Kuala Lumpur 1965. hal. 25.

⁶ Pawang Ana & Raja Haji Yahya, *Ibid* hal. 16.

⁷ Pawang Ana & Raja Haji Yahya, *Ibid* hal. 17.

⁸ Strurrock, A.J. & R.O. Winstedt (ed.), *Hikayat Awang Sulong Merah Muda*, MPH Ltd. Singapore 1957. hal. 41

⁹ Melenggang perut – upacara yang dijalankan pada ibu yang mengandung sudah tujuh bulan bertujuan untuk menjauhkan kuasa-kuasa ghaib dari mengkhianati bayi di dalam perut, dan untuk memudahkan bersalin.

¹⁰ Penujuh hari – hari ketujuh selepas seseorang itu meninggal; atau hari ketujuh selepas simati-dikebumikan.

'tujuh' dalam cerita-cerita dongeng dan penglipur lara dan dalam kepercayaan Melayu itu adalah pengaruh Parsi. Menurut Winstedt, 'a Besisi legend tells of a bright snake with seven souls in the form of indescent rainbows. The Malay ascribes seven souls to the toddy palm, named after the princesses whose 'neck' the tapper seizes, whose blossom-like 'hair' he gathers up and for whose juice he holds an ivory 'batu' where the princesses may 'clap their hands and chase one another.' Respect for the number seven goes back to Babylon but the Malays' romantic address to the toddy palm is likely to be of Indian Origin.'¹

Dalam cerita-cerita yang dirakamkan juga terdapat motif ini, misalnya,

- i. terdapat tujuh orang puteri dalam cerita **Tuan Puteri Tujuh Beradik**, cerita **Kerbau Jalang** dan cerita **Bungsu Berlaki Ular**.
- ii. terdapat tujuh helai rambut dijadikan tadi buaian dalam cerita **Tuan Puteri Tujuh Beradik**.
- iii. Puteri Bungsu sedang hamil tujuh bulan semasa ia terhumban ke pulau yang terpencil.
- c. Paras tokoh-tokoh yang cantik.

Kesemua puteri tujuh beradik, ketujuh-tujuh anak Kerbau Jalang, Puteri tunangan Lela Raja, Tuan Puteri Pucuk Kelumpang adalah cantik-cantik belaka, samalah seperti Tuan Puteri Bidadari Segerba 'yang terlalu elok rupanya, tiadalah berbanding di dalam negeri kayangan.'² Motif seperti ini juga terdapat di dalam *Sejarah Melayu*.

- d. Motif 'kesaktian' atau kebolehan yang luarbiasa.

Di antara motif-motif kesaktian yang terdapat di dalam cerita-cerita yang dirakamkan ialah:

- i. perahu Puteri tunang Lela Raja tidak akan belayar sekiranya Puteri itu tidak menyanyi;
- ii. burung-burung pipit di huma Lela Raja tidak memakan padi di huma itu kerana mendengar nyanyian Puteri tunangan Lela Raja;
- iii. Beringin Sungsang yang berdaun emas suasa yang cantik seperti mahligai dalam cerita *Bawang Putih Bawang Merah* boleh 'tinggi menyapu awan, rendah menyapu bumi.'³ Pada buaian inilah Bawang Merah bermain buaian yang tidak boleh dinaiki oleh Bawang Putih.
- iv. Kulit burung kurau (cerita **Si Pintau**), apabila dibakar dan abuknya bila ditaburkan di padang menjadi kerbau banting, ditaburkan di laman menjadi ayam itek. Begitu juga yang terjadi apabila kulit ular sawa (cerita **Bungsu Berlaki Ular**) yang dibakar dan ditaburkan oleh Si Bungsu.
- v. Kerbau Jalang, sebelum ia mati, memuntahkan emas perak untuk anak bungsunya yang setia.
- e. Motif gagak.

Dalam cerita **Tuan Puteri Pucuk Kelumpang** kita dapati seekor gagak meng-

¹ Winstedt, R.O., *The Malay Magician*, Routledge & Kegan-Paul, London 1951. hal. 18.

² Pawang Ana & Raja Haji Yahya, *Hikayat Raja Muda*, hal. 25.

³ Cerita Tuan Puteri Pucuk Kelumpang oleh Incai binti Lahab.

khianati Tuan Puteri dengan memecahkan rahsia ibu Tuan Puteri itu kepada suaminya yang bencikan anak perempuan. Akibat dari perbuatan gagak itu akhirnya Tuan Puteri Pucuk Kelumpang telah mati disumpit oleh ayahandanya.

Motif gagak seperti ini juga terdapat dalam **Hikayat Seri Rama**. Dalam hikayat itu Gagak Sura telah menyambar nasi homang yang telah dijampi oleh Maharisi.¹ Nasi homang itu hendak dimakan oleh Tuan Puteri Balya Dari, isteri Dasaratha Maharaja, untuk membolehkannya hamil.

f. Dalam cerita-cerita **Puteri Tujuh Beradik, Kerbau Jalang dan Bongsu Berlakikan Ular**, nampaknya cerita bertumpu di sekitar adik yang bongsu. Ternyata adik yang bongsu itu bersifat baik, cerdik, setia dan berani, dan sudah tentulah si bongsu itu hidup bahagia di akhir cerita. Dalam *Hikayat Malim Deman* dan *Hikayat Raja Muda* juga kita dapati bahawa Puteri Bongsulah yang terlibat dalam percintaan dengan wira-wira dalam cerita-cerita tersebut yang juga berakhir dengan hidup dalam aman bahagia.

g. Darpada motif-motif yang terdapat dalam cerita-cerita dongeng itu, ada suatu yang menarik perhatian saya. Motif itu ialah motif pembunuhan anak perempuan yang terdapat dalam cerita **Tuan Puteri Pucuk Kelumpang**. Motif pembunuhan ini adalah aneh kerana masyarakat Naning, yang mengikut sistem matrilineal itu mementingkan anak perempuan. Dalam adat Naning, harta pusaka adat akan diwarisi oleh anak perempuan yang bongsu. Ini bererti bahawa sekiranya sesuatu keluarga itu tidak mempunyai anak perempuan, harta pusaka adat yang diwarisi oleh si ibu (yang bongsu dalam keluarganya) akan jatuh ke tangan waris yang terdekat iaitu anak perempuan yang bongsu kakaknya.

h. Dalam cerita Hantu Paku pula, terdapat motif '*motoka*' yang merupakan suatu anakronisma. Anakronisma motif '*motoka*' ini samalah seperti yang terdapat dalam *Hikayat Raja Muda* yang mengisahkan tujuh puteri kayangan yang mencitakan 'sebuah balai jentera berpusing yang boleh terbang sendirinya'.

Penggunaan motif ini oleh penutur menunjukkan bagaimana pengubahsuaian berlaku di dalam sastera lisan. Sama ada penutur sedar atau tidak tentang hal ini tidaklah dapat dipastikan. Bagaimanapun saya berpendapat bahawa sekiranya penutur dengan sengaja memasukkan motif ini, itu adalah dengan tujuan supaya ceritanya lebih dapat diterima oleh pendengar-pendengarnya yang sudah biasa dengan '*motoka*' itu.

Prosa Berirama/Nyanyian

Di dalam cerita-cerita penglipur lara seperti *Hikayat Malim Deman*, *Hikayat Awang Sulong Merah Muda*, *Hikayat Raja Muda* dan yang lain-lain, ada terdapat 'runs' yang disebut 'rhythmical prose' oleh Winstedt. Gambaran suasana hari nak siang atau suasana perhimpunan rakyat di majlis kenduri di Raja di dalam prosa berirama itu sungguh menawan hati pendengar atau pembaca.

Satu rangkap prosa berirama yang terdapat dalam *Hikayat Malim Deman* dan

¹*Hikayat Seri Rama*, versi Roorda van Eysingha, hal. 5

juga *Hikayat Raja Muda* yang menarik perhatian saya ialah tentang gambaran 'pekerjaan berjaga-jaga' yang hampir sama dengan yang terdapat dalam cerita Si Pintau.

Sabong tak berhenti tiga bulan;
Sabong bertunda bulu ayam,
Air didih menganak sungai;
Kerak nasi membusut jantan,
Terung berbuah di gelegar;
Kunyit berhimpang di atas para,
Serai beranak di atas dapur,
Tanduk kerbau buat tungku.¹

Cuba bandingkan pula prosa berirama di atas dengan yang terdapat di dalam cerita Si Pintau:

Kelapa kerbau boleh dibuat tungku,
Air didih menganak sungai,
Kaki kambing boleh dibuat kayu api,
kerak nasi membusut jantan.²

Walaupun prosa berirama di dalam cerita Si Pintau itu lebih pendek, namun sedikit sebanyak ia menunjukkan bahawa penutur amatir juga mampu menghasilkan penuturan yang sangat menarik dan berkesan.

Nyanyian

Suatu perkara lagi yang amat memberi kesan di dalam penuturan ialah adanya nyanyian-nyanyian tertentu yang didendangkan oleh tokoh-tokoh di dalam cerita-cerita tersebut. Nyanyian yang didendangkan oleh tokoh-tokoh utama terdapat di dalam cerita *Kerbau Jalang*, cerita *Hantu Paku*, cerita *Tuan Puteri Tujuh Beradik*, cerita *Si Pintau* dan cerita *Ungka Siamang*, manakala dalam cerita *Tuan Puteri Pucuk Kelumpang*, cerita *Tuan Puteri Tujuh Beradik* terdapat nyanyian-nyanyian yang didendangkan oleh tokoh-tokoh yang kedua penting.

Nyanyian-nyanyian tersebut adalah ringkas tetapi iramanya amat menarik hati dengan lirik-lirik yang sesuai dengan konteks cerita. Setelah meneliti nyanyian-nyanyian tersebut, saya dapati bahawa sebenarnya terdapat empat irama yang dinyanyikan: nyanyian dalam cerita *Hantu Paku*, *Bawang Putih Bawang Merah* dan *Kerbau jalang* mengikut irama yang sama; irama yang sama bagi nyanyian cerita-cerita *Tuan Puteri Pucuk Kelumpang* dan *Tuan Puteri Tujuh Beradik*; nyanyian dalam cerita *Ungka Siamang* dan cerita *Si Pintau* masing-masing mempunyai irama yang tersendiri.

Cerita-cerita Binatang

Cerita-cerita yang digemari oleh rakyat bukan saja terdiri dari cerita dongeng atau penglipur lara dengan plot dan motif-motifnya yang menarik dan penuh fantasi

¹Hikayat Raja Muda, hal. 138.

²Hikayat Malim Deman, hal. 43.

itu. Cerita-cerita binatang juga sama hebat digemari oleh orang Melayu atau orang-orang di mana-mana saja. Kebanyakan daripada cerita-cerita binatang yang telah dibukukan kecuali *Hikayat Pelanduk Jenaka* merupakan cerita-cerita 'fable' yang mengandungi sesuatu 'didactic moral'. Tapi tidak semua cerita binatang berbentuk demikian menurut Edmonson 'formalization and standardization of tales often centers on the device of animal characters, a technique most familiar to us in fable of Aesop, Krylor, La Fontaine, Thuber, "Uncle Remus", or the Pancha Tantra. But not all animal tales are fables. Some are tales of horror, origins, or humour. Some are anthropomorphic nature tales. The lesson of the more primitive of these animal stories is often more realistic than moralistic, their teaching is sophisticated rather than virtuous.'¹

Dalam sastra lisan Melayu banyak terdapat cerita-cerita binatang dengan berbagai-bagai jenis binatang sebagai tokoh utamanya. Kadang-kadang terdapat beberapa binatang yang berperanan penting dalam sesuatu cerita binatang itu seperti tupai dengan ikan haruan, ayam dengan helang, pelanduk dengan gajah dan sebagainya. Tetapi nampaknya yang paling popular di antara cerita-cerita binatang itu ialah tentang kisah seekor binatang yang kecil iaitu pelanduk, atau *Tragulus Javanicus*, yang dikenali sebagai Kancil di daerah tempatan atau *Chevrotain* ataupun mouse-deer di Eropah dan Amerika.

Sifat Kancil yang kecil dan lincah, dan kehidupannya di dalam hutan rimba dengan binatang-binatang yang ganas dan lebih besar daripadanya itu menarik minat orang-orang Melayu. Mereka seolah-olah mendapat suatu pengajaran atau petunjuk dari kebolehan Kancil yang dapat hidup terus di dalam dunia binatang yang tiada memilih mangsa itu.

Sifat kelincahan dan saiz binatang-binatang memberi suatu identiti watak kepada tiap-tiap binatang di dalam cerita-cerita itu. Begitulah kita dapati watak lembu yang bodoh, harimau yang garang dengan tindakannya yang terburu-buru, dan Kancil yang kecil tetapi cerdik. Dan apabila terdapat banyak cerita binatang itu dikait-kaitkan dengan wataknya yang tetap, maka terbentuklah putaran (cycle) cerita binatang.²

Oleh yang demikian kita dapati Kancil dijadikan tokoh yang utama, di dalam cerita-cerita lain yang watak utama asal sebenarnya bukan Kancil. Kita juga dapati bahawa Kancil bukan saja menjadi tokoh utama dalam cerita-cerita yang watak-watak di dalamnya kesemuanya binatang, misalnya *Hikayat Pelanduk Jenaka*³ tetapi juga ia memainkan peranannya di samping manusia seperti dalam cerita 'Sang Kancil dengan Orang Minangkabau.'

¹ Edmonson, Munro S. *Lore, An Introduction to the Science of folklore and literature*, Holt, Rinehart & Winston, New York. 1971. hal. 138.

² Edmonson, Munro S. *Op cit.* hal. 138-140. Menurut Edmonson, 'There is a marked tendency for the character of each animal to become fixed and hence for the situations in which they find themselves to become stock. The interest generated by certain types of characters often results in their becoming protagonists for many varied tales. The characters maintain their identity and characterological consistency from tale to tale in a fashion in which the animals of fable do not. The result is a tale cycle.'

³ Dussek, O.T. (ed.); *Hikayat Pelanduk Jenaka*. Malaya Publishing House, Singapore, 1915.

McKean, yang telah mengkaji tentang tokoh Sang Kancil dalam sastra rakyat Melayu-Indonesia, memberi suatu analisa struktur cerita-cerita Kancil tersebut seperti berikut:

1. An opening description of a calm and harmonious universe;
2. A threat of danger confronts Kancil (or his friends);
3. Kancil presents an alternative action, detouring enemy (or on behalf of his friends);
4. The enemy accepts the alternative action, because of his greedy motives;
5. The consequences of following Kancil's alternatives are visited upon the enemy;
6. Harmony and calm return once again to Kancil's universe.¹

Analisis struktur yang diberi oleh McKean itu nampaknya mungkin sesuai dengan cerita-cerita Sang Kancil yang diterbitkan oleh Dussek dalam *Hikayat Pelan-duk Jenaka*, tetapi dalam empat buah cerita Sang Kancil yang dirakamkan analisis struktur itu tidaklah tepat. Pada pendapat saya, walaupun nampaknya seolah-olah ada konsistensi dalam watak Sang Kancil dan binatang-binatang lain dalam cerita-cerita itu, tetapi struktur cerita-cerita itu adalah berbeza. Ini ialah kerana cerita-cerita itu adalah cerita lisan yang dituturkan dalam suasana yang tertentu tanpa sebarang persediaan tentang plot cerita. Cerita-cerita Sang Kancil yang dirakamkan mempunyai plot yang amat sederhana, yang membawa pendengar terus kepada masalah-masalah yang dihadapi oleh Sang Kancil dan bagaimana seterusnya Sang Kancil berjaya, dengan menggunakan kepintarannya, mengatasi masalah-masalah tersebut.

Bagaimanapun, dalam cerita Sang Kancil dengan orang Minangkabau, kita dapati suatu plot yang lebih kompleks.

1. Tujuh orang Minangkabau menghadapi masalah;
2. Kancil memberi jalan;
3. Orang Minangkabau mati kerana kebodohan mereka sendiri;
4. Kancil memberi nasihat pula kepada orang-orang Minangkabau yang lain untuk mengatasi musuh;
5. Musuh ditewaskan.

Jadi, nyatalah di sini bahawa walaupun sesuatu struktur plot itu dapat digeneralisasikan dari beberapa buah cerita Kancil, tapi ia tidaklah dapat mewakili keseluruhan cerita-cerita itu. Saya berpendapat bahawa soal struktur itu tidaklah harus ditekankan sangat. Yang lebih penting ialah bahawa cerita-cerita itu dapat menghibur dan menawan hati pendengar-pendengarnya.

Cerita-cerita Jenaka

Di mana-mana saja orang suka berjenaka, dan orang amat suka kepada seorang yang kelakar yang dengan bersahaja dapat menimbulkan sesuatu keadaan yang menggelikan hati pendengar. Kita dapati orang sangat gemar mendengar telatah para

¹McKean, Philip F., *The Mouse-deer in Malaya-Indonesian Folklore*, Asia Folklore Studies, Vol. XXX-I, 1971. hal. 80-81.

pelawak dalam rancangan-rancangan radio dan televisyen. Begitu juga kita dapati orang amat gemar melihat telatah pelawak-pelawak di dalam sarkis.

Kelucuan yang ditimbulkan di dalam cerita-cerita lisan adalah sangat berbeza dengan kelucuan pelawak-pelawak sarkis yang bergantung kepada gerak-geri anggota serta aksi dan reaksi fizikal dari pelawak-pelawak itu. Dalam cerita lisan, kelucuan itu mungkin timbul dari sifat-sifat tokoh utama yang keterlaluan – terlalu bodoh atau terlalu cerdik sehingga dapat membodohkan orang lain pula, atau dari peristiwa-peristiwa yang berlaku secara kebetulan yang melanggar norma masyarakat seperti bertelanjang atau terkencing.

Dari tiga buah cerita lucu yang dikutip dalam latihan ilmiah ini, kita dapati kedua-dua unsur yang disebutkan itu digunakan untuk menimbulkan kelucuan. Dalam cerita '*Buah Sudah Gugur*', misalnya kelucuan itu timbul dari:

- i. Ketakutan yang amat sangat menyebabkan peladang menggeletar hingga tertanggal kainnya;
- ii. Komen harimau terhadap buah si peladang yang sudah tua;
- iii. Ketiadaan buah pada isteri si peladang, hanya tempuknya saja, dan
- iv. Air kencing isteri peladang yang meleleh itu disangka getah oleh harimau.

Dalam cerita '*Pak Pandir*' dan '*Tamak dengan Syukur*' pula kita dapati sifat-sifat keterlaluan kedua-dua tokoh itu – Pak Pandir yang terlalu bodoh dan Tamak yang terlalu tamak. Kedua-dua tokoh dengan sifat mereka yang keterlaluan itu menghasilkan akibat buruk kepada orang lain atau kepada diri mereka sendiri.

Cerita-cerita itu amat sederhana sekali dengan satu atau dua motif sahaja. Cerita Pak Pandir agak lebih *sofistikated* dengan adanya beberapa motif yang dirangkakan, walaupun tidak dengan urutan yang sesuai. Daripada banyak cerita lucu Melayu cerita Pak Pandir nampaknya lebih popular, tetapi ini mungkin juga disebabkan oleh pengaruh buku. Bagaimanapun, dalam cerita Pak Pandir yang telah dirakamkan ternyata ada perbezaannya dengan cerita Pak Pandir di dalam buku *Cerita Jenaka*¹ itu. Misalnya, apabila kambing mengembek semasa Pak Pandir menjemputnya ke rumah, Pak Pandir menjawab, 'idak ambek' – [ida? ambe?] – lambat dalam loghat Naning; manakala dalam *Cerita Jenaka* 'embek' kambing itu disangka 'lembek' oleh Pak Pandir. Begitu juga 'abang' Pak Pandir yang bermaksud 'terbang' itu disangka 'bang azan' oleh orang ramai itu tidak terdapat di dalam cerita jenaka. Kiah Pak Pandir merebus kangkung juga tidak terdapat di dalam cerita Pak Pandir yang dibukukan itu.

Hal ini menunjukkan bahawa cerita lucu itu berbeza dari tempat ke tempat berdasarkan kefahaman dan loghat tempatan yang melahirkan atau yang melanjutkannya. Perubahan dan penyesuaian tetap berlaku. Juga, selalu kelucuan itu dengan mudah ditimbulkan dalam bahasa percakapan sehari-hari dengan pernyataan yang terbuka, tidak kira sama ada kelucuan itu 'kotor' atau tidak. Kerap kali kita dapati 'dirty joke' itulah yang menimbulkan ketawa yang paling besar dari pendengar-pendengarnya.

¹ Raja Haji Yahya, *Cerita Jenaka*, (edisi baru). Oxford University Press, Kuala Lumpur.

Semangat

Dalam perbincangan saya mengenai motif penjelmaan dalam cerita-cerita dongeng, saya telah menyentuh sedikit tentang world-view orang Melayu berhubung dengan 'semangat' Menurut Skeat, semangat yang dikonsepsikan oleh orang Melayu merupakan 'the central feature of the whole system of Malay magic and folklore.'¹ Semangat yang dimaksudkan itu berbentuk abstrak; boleh masuk dan keluar dari sesuatu benda tanpa mengubah bentuk fizikal benda itu. Semangat diam di dalam badan manusia tetapi boleh keluar semasa manusia tidur, sakit atau mengalami sesuatu tekanan emosi yang hebat seperti terperanjat, atau takut. Jika semangat itu keluar terlalu lama, ini akan menyebabkan sarungannya menjadi sakit atau mati. 'Consequently, a major part of Malay medicine is designed to retain an escaping soul or recover one that has already departed.'²

Bukan sahaja benda hidup seperti manusia, tumbuh-tumbuhan dan binatang mempunyai semangat, tetapi benda bukan-hidup seperti busut atau bijih pun dipercai mempunyai semangat. Kepercayaan tentang semangat inilah yang menjadi dasar idea-idea 'anthropomorphic' Melayu. Semangat yang ada pada manusia, tumbuh-tumbuhan, binatang dan benda bukan-hidup itu mempunyai kepekatan yang berbeza-beza. Sekiranya semangat seseorang itu amat pekat ia boleh menjadi keramat. Begitu juga binatang atau tumbuh-tumbuhan boleh menjadi manusia jika semangatnya pekat. Menurut Endicott, 'it is certain that keramat is a condition based on a high concentration of semangat, and the evidence of keramat conforms the principle glimpsed earlier that concentrated semangat is attributed to things that stand out from the set of comparable thing.'³

Keramat

Banyak perkara yang aneh yang luarbiasa dikaitkan dengan keramat. Keramat Pulau Besar mempunyai batu-batu nisan yang berbelas kaki jaraknya di antara satu dengan yang satu lagi; sementara Keramat Pegoh pula mempunyai batu nisan yang sentiasa rebah terkapar, tidak boleh ditegakkan. Keramat Tok Jambar dan Keramat Paya Dua di Sungai Buloh pula dikatakan dijagai oleh seekor harimau yang berulang-alik di antara kedua-dua makam itu.

Menurut Abu bin Atan, seorang penutur dari Pegoh, mertabat keramat itu adalah pemberian Tuhan. 'Tuhan, dia memilik pintu hati yang cukup bersih, nak turunkan sesuatu mertabat. Istimewa keramat ni, yang kadang-kadang orang menajat tu betul-betul sungguh, dapat 'kan hajat dia.' Dalam cerita keramat Tok Jambar misalnya, diceritakan bagaimana orang yang meminta (pada keramat) bantuan peralatan untuk beradat mendapat pinggan mangkok serta periuk belanga.

¹ Skeat, W.W. *Malay Magic*, McMillan & Co. Ltd, London. 1900 hal. 579.

² Endicott, Kirk Michael, *An Analysis of Malay Magic*, Oxford Clarendon Press, 1963, hal. 14.

³ Endicott, hal. 93.

Hantu

Suatu perkara lagi yang termasuk di dalam world-view orang Melayu ialah kepercayaan terhadap hantu. Hantu mempunyai beberapa persamaan dengan semangat. Hantu, seperti semangat, adalah abstrak tetapi ia boleh didengar, dibau atau disentuh. Kerap kali juga ia boleh merupakan dalam berbagai bentuk mengikut kehendaknya manakala ada pula yang mempunyai sesuatu bentuk yang tertentu. 'The majority of spirits are regarded as utterly non-moral.'¹ Burok bin Budin berpendapat 'asal dia (hantu) tu, mani orang berzina di atas bumi. Dia dua orang. Dia bawa satu perempuan, dibuat (zina) di atas kubur. Berzinalah di atas kubur tu. Satu, betina, jadi bandan; dia ni hantu tinggi.

Hantu boleh dicipta dari beberapa unsur. Misalnya, hantu pelesit itu boleh dibuat dari seekor belalang yang digoreng di dalam minyak kelapa hijau yang dicampur dengan bawang putih dan bawang merah. Oleh kerana ia boleh dicipta, tentulah ia boleh dimusnahkan atau dihalau. Hantu tidak mempunyai sarungan. Dalam keadaannya yang tidak bersarung itulah ia dapat masuk atau keluar dari benda fizikal. Hantu boleh memasuki badan orang yang lemah semangatnya. Tetapi hantu boleh dihalau dengan menakutkannya. Dalam jampi serapah atau mentera Melayu yang disemburkan kepada orang yang dirasuk hantu, kerap kali kita dapati pernyataan-pernyataan yang menenangkan asal-usul atau sifat hantu. Dengan demikian hantu itu menjadi takut kerana ia telah dikenali dan diberi sifat. Cuba lihat jampi² pelesit ini:

KulhuAllah hu Ahad (sampai tamat)

Yuhibbunya Salammu Khoryan (3 kali)

Aku tahu asal kau jadi

Kelapa hijau asal kau jadi

Datang kau dari Bukit Kaf

Balik kau ke Bukit Kaf

Ah Ah, Mah Mah³

Dalam kehidupan orang Melayu kita dapati majis, yang didasarkan kepada idea semangat itu, digunakan dalam berbagai-bagai cara dan situasi termasuklah usaha pertanian, perlombongan, perburuan, pembinaan rumah dan usaha menangkap ikan. Dalam hal-hal ini semangat tanaman atau bijih atau binatang dipuja dengan upacara-upacara tertentu supaya sesuatu usaha yang berkenaan yang akan dijalankan itu mendapat hasil yang baik tanpa sebarang kecelakaan terhadap si pengusaha.

Dalam siklus hidup mereka, ternyata majis memainkan peranan yang penting. Setiap acara dalam 'rites of passage' di kalangan mereka itu diiringi dengan amalan majis. Tentunya amalan ini yang telah lama diwarisi dari generasi yang lampau tidak mudah dikikis meskipun agama Islam telah kukuh bertapak. Dalam banyak hal didapati bahawa kedua-dua amalan agama dan kepercayaan itu dijalankan seiringan seolah-olah kedua-duanya menjadi komponen suatu sistem hidup yang harmonis. Konsep hidup dan nilai orang Melayu itu tentunya dapat diselidik dengan lebih mendalam lagi lewat tradisi lisan seperti yang terdapat di Alor Gajah ini.

¹ Endicott, hal. 53.

² Informan, Burok bin Bidin.

³ Ah Ah, Mah Mah – menurut penutur, nama Nabi hantu dan Jin.

Lampiran I

CERITA-CERITA YANG DIKUMPULKAN PADA AWAL 1975

Tajuk	Jenis Cerita	Informan
1. Ungka Siamang	marchen	Incai binti Lahab, 72, Kg. Parit Melana.
2. Tuan Puteri Tujuh Beradik	marchen	Incai binti Lahab.
3. Tuan Puteri Pucuk Kelumpang	marchen	Incai binti Lahab.
4. Si Pintau	marchen	Incai binti Lahab.
5. Bawang Putih Bawang Merah	marchen	Incai binti Lahab.
6. Cerita Kerbau Jalang	marchen	Incai binti Lahab.
7. Bungsu Berlaki Ular	marchen	Kecik binti Ismail, 51, Kampung Sungai Buluh.
8. Kempunan Pisang	marchen	Khatimah binti Pucut, 74, Kg. Sungai Buluh.
9. Ikan Temakul	marchen	Khatimah binti Pucut.
10. Sang Kancil Mencuri Hati Buaya	beast fable	Burok bin Bidin, 62, Kg. Berisu.
11. Sang Kancil Berpantun	beast fable	Burok bin Bidin.
12. Sang Kancil Beradu Kekuatan	beast fable	Burok bin Bidin.
13. Sang Kancil Dengan Orang Minangkabau	beast fable	Burok bin Bidin.
14. Buah Sudah Gugur	jocular tale	Burok bin Bidin.
15. Cerita Pak Pandir	Farce	Incai binti Lahab.
16. Tamak dengan Syukur	Farce	Burok bin Bidin.
17. Semangat Padi	c. Etiologis	Burok bin Bidin
18. Padi Bersemangat	c. Etiologis	Incai binti Lahab.
19. Sebab Setengah Orang Tidak Makan Daging Rusa	c. Etiologis	Incai binti Lahab.
20. Kekasih Rusa	c. Etiologis	Incai binti Lahab.
21. Keramat	c. kepercayaan	Burok bin Bidin.
22. Keramat Tok Jambar	c. kepercayaan	Kecik binti Ismail.
23. Hantu Tinggi/Bandan	c. kepercayaan	Burok bin Bidin.
24. Hantu Tinggi	c. kepercayaan	Abu bin Atan, 52, Pegoh, Alor Gajah.
25. Hantu Bungkus	c. kepercayaan	Abu bin Atan
26. Pelesit	c. kepercayaan	Burok bin Bidin.
27. Polong	c. kepercayaan	Incai binti Lahab.
28. Pontianak	c. kepercayaan	Khatimah binti Pucut.
29. Hantu Tinggi	c. kepercayaan	Khatimah binti Pucut.
30. Hantu Paku	c. kepercayaan	Incai binti Lahab.
31. Hantu-hantu Lain	c. kepercayaan	Abu bin Atan

Lampiran II

SINOPSIS CERITA-CERITA LISAN YANG DIBICARAKAN

Cerita Ungka Siamang

Puteri Jeklan berkasih-kasihan dengan Malim Bungsu, dan berjanji tidak akan berkahwin dengan orang lain selain daripada Malim Bungsu. Malim Bungsu juga berjanji tidak akan berkahwin dengan orang lain selain daripada Puteri Jeklan. Masing-masing pun bersumpah setia: Puteri Jeklan bersumpah bahawa jika ia mungkirkan janji ia akan bertukar menjadi ungka siamang manakala Malim Bungsu pula bersumpah yang ia akan karam di laut sekiranya ia memungkirkan janji.

Malim Bungsu pergi belayar kerana berniaga. Semasa pemergian Malim Bungsu, ibu bapa Puteri Jeklan telah menerima pinangan orang untuk berkahwin dengan Puteri Jeklan. Hal penerimaan pinangan ini tidak diketahui oleh Puteri Jeklan.

Apabila hari perkahwinan hampir tiba dan persediaan-persediaan mula disediakan, barulah Puteri Jeklan mengetahui yang ia akan dikahwinkan. Walaupun Puteri Jeklan menyatakan kepada ibunya yang ia tidak mahu dikahwinkan, ia dipaksa juga kerana pinangan telahpun diterima dan persiapan-persiapan sudah disediakan.

Pada hari perkahwinan, setelah upacara-upacara berasah gigi dan berendam dijalankan, sewaktu naik dari mandi di perigi, Puteri Jeklan telah melompat ke atas para dan kemudian melompat pula ke atas pokok. Puteri Jeklan telah bertukar menjadi ungka siamang. Walaupun ibu bapa dan orang-orang cuba menangkapnya dengan menebang-nebang pokok, ungka siamang itu berjaya lari ke hutan. Ia bergayut-gayut di pokok hinggalah sampai di tepi laut.

Sedang ungka itu menyanyi mendendangkan nasibnya, Malim Bungsu belayar pulang. Di pantai ia terdengar suara ungka menangi nasibnya:

‘Berbuah tanamlah padi,
dah nak tuai, nan bunga lalang,
berubah padahnya kami,
kami menjadi ungka siamang.
Bukan saya mungkirkan janji,
emak dan bapa mungkirkan janji.’

Mendengar nyanyian itu, Malim Bungsu tahulah bahawa ungka siamang itu sebenarnya kekasihnya Puteri Jeklan. Ia pun mengambil sumpitan lalu menyempit ungka tersebut. Ungka itu jatuh ke tanah dan bertukar semula menjadi manusia. Malim Bungsupun membawa Puteri Jeklan pulang dan merekapun berkahwin, hidup berbahagia selama-lamanya.

Cerita Puteri Tujuh Beradik

Tujuh orang puteri adik beradik sedang mandi di sungai. Semasa puteri sulung masuk ke sungai ia berkata, “Cocok pakah belanggar ikan, dapatlah aku orang pen-

jala,” dan dengan seketika itu juga menjelma seorang penjala. Puteri-puteri yang lain juga berbuat demikian dan tiap-tiap seorang dari mereka mendapat peniruk, pengail, penimba dan penanggung. (Penutur tidak menyebutkan jodoh puteri yang keenam).

Tiba pada giliran puteri yang bungsu, ia meminta supaya jodohnya itu ‘anak raja mambang di awan’, dan permintaannya itu juga termakbul. Ini menyebabkan kakak-kakaknya menjadi iri hati dan benci kepadanya.

Pada suatu hari Mambang di Awan hendak pergi belayar kerana berniaga. Sebelum belayar Mambang di Awan berpesan kepada isterinya yang mengandung supaya jangan menurut kehendak-kehendak kakak-kakaknya yang benci kepadanya itu. Semasa pemergian Mambang di Awan itu kakak-kakak Puteri Bungsu selalu mengajaknya pergi ke sesuatu tempat dengan tujuan jahat, tetapi Puteri Bungsu enggan. Suatu hari, apabila dipujuk oleh kakaknya untuk pergi bermain buaian, Puteri Bungsu pun setuju. Sedang Puteri Bungsu dibuaikan dengan lajunya oleh kakaknya itu, 7 helai rambut yang dibuatkan tali buaian itu putus satu demi satu. Akhirnya kesemua utas tali buaian itu putus, dan Puteri Bungsu terhumban ke sebuah pulau lalu melahirkan anak di situ.

Puteri Bungsu membela anaknya di pulau itu. Tiap-tiap kali ia membuaikan anaknya ia akan mendendangkan nasibnya dan menyebut-nyebut nama Mambang di Awan. Pada suatu hari, sedang Mambang di Awan belayar berdekatan pulau itu ia mendengar suara perempuan menyanyi dan menyebut namanya. Ia mendarat di pulau itu dan mendapati Puteri Bungsu. Puteri Bungsu menceritakan apa yang telah terjadi ke atas dirinya kepada Mambang di Awan. Mambang di Awan membawa Puteri Bungsu dan anaknya pulang dengan harta-harta kekayaan yang didapati dari pelayarannya. Apabila sampai di negerinya, kakak-kakak Puteri Bungsu yang busuk hati itu telah dihukum oleh Mambang di Awan. Mambang di Awan, Puteri Bungsu dan anaknya hidup bahagia.

Tuan Puteri Pucuk Kelumpang

Seorang saudagar tinggal bersama isterinya di sebuah negeri. Pada suatu hari saudagar itu hendak pergi belayar kerana berniaga. Sebelum belayar, saudagar itu berpesan kepada isterinya yang sedang mengandung supaya anak yang lahir nanti, jika perempuan hendaklah dibunuh, tetapi jika lelaki hendaklah dipelihara. Si isteri mengaku akan mematuhi pesanan itu, dan saudagar itupun belayarlal.

Si isteri bersalin, melahirkan seorang anak perempuan yang sangat cantik. Ia sangat sayang akan anak itu dan memeliharanya sehingga besar. Pada suatu hari si isteri menerima surat dari saudagar itu yang menyatakan bahawa ia akan pulang beberapa hari lagi. Si isteri menyorok anaknya di atas pucuk pokok kelumpang.

Apabila saudagar itu pulang dengan membawa harta yang banyak, ia pun menanyakan anak apakah yang dilahirkan oleh isterinya. Isterinya memberitahu bahawa anak yang lahir itu perempuan, dan telah dibunuh dan mayatnya dikebumikan di hujung halaman rumah. Sewaktu kenduri dan keramaian diadakan kerana meraikan kepulangan saudagar itu, seekor gagak telah memecahkan rahsia isteri itu kepada saudagar. Saudagar pun marah lalu memerintahkan isterinya memanggil anaknya turun dari pucuk pohon kelumpang itu.

Puteri Pucuk Kelumpang itu membuat beberapa helah setiap kali ia dipanggil (dipujuk) oleh ibunya, sambil saudagar yang menanti di bawah itu menyediakan damar yang beracun bagi sumpitannya. Akhirnya Tuan Puteri Pucuk Kelumpang pun turun selangkah demi selangkah. Tiap-tiap selangkah ia turun itu, ia telah disumpit oleh ayahnya, dan akhirnya jatuh lalu mati.

Setelah jatuh ke bawah, baharulah saudagar itu melihat betapa cantiknya puteri itu. Menyesallah dia akan perbuatannya itu.

Si Pintau

Pintau dan anaknya, Gojol, bekerja memikat burung. Pada suatu hari mereka terdengar suara burung yang berbunyi:

'Pintau, pintau, kaki deyan sakit,
pintau, ia kena jerat,
pintau, sembilan mata,
pintau pintau.'

Apabila mereka mendekati jerat, mereka dapati seekor burung kurau telah tertangkap. Burung itu dibawa balik dan dikurung.

Tiap-tiap hari mereka pergi memikat burung lagi tetapi tidak berjaya. Tiap-tiap kali pulang, mereka dapati makanan sudah terhidang. Pada hari keempat, Pintau pura-pura pergi memikat burung tetapi sebenarnya ia mengintai apa yang berlaku di rumah. Dilihatnya burung yang dikurung itu keluar dari sangkar dan bertukar menjadi seorang perempuan yang cantik. Perempuan inilah yang memasak makanan itu.

Dengan segera Pintau menangkap perempuan itu sebelum ia sempat memakai sarung bulunya. Sarung itu dibakar dan arangnya yang ditaburkan di padang menjadi kerbau banting dan yang ditaburkan di halaman menjadi itek ayam. Pintau pun berkahwin dengan perempuan itu dan hidup mewah senang lenang.

Pada suatu hari sedang suami-isteri itu berihat, Pintau menyuruh isterinya nyanyikan lagu yang dinyanyikan semasa ia terjat di dalam perangkap. Pada mulanya isterinya enggan, tetapi setelah disuruh juga ia pun menyanyi. Nyanyian yang sedap itu menyebabkan Pintau tertidur manakala isterinya perlahan-lahan bertukar menjadi burung semula dan terbang ke dahan pokok.

Gojol yang sedar akan kejadian itu mengejutkan ayahnya. Bersama-sama mereka mengejar burung itu tetapi tidak berjaya. Pintau yang kecewa itu membunuh diri. Gojol pula mengikut burung itu sampai ke dalam hutan rimba. Di dalam hutan ia terbelit oleh rotan dan jatuh lalu mati.

Hantu Paku

Seorang puteri sedang belayar ke Bandar Huhom untuk berkahwin dengan tunangnya Si Lela Raja. Dalam pelayarannya itu ia telah ditahan oleh Hantu Paku yang ingin pergi bersama. Hantu Paku mengancam hendak membunuh puteri itu jika puteri itu tidak mahu membawanya. Dalam pelayaran, atas ugutan Hantu Paku,

mereka bertukar-tukar pakaian dan Hantu Paku berlagak sebagai puteri manakala puteri menjadi Hantu Paku.

Apabila sampai di Bandar Huhom, mereka disambut dengan meriah. Hantu Paku berkahwin dengan Lela Raja sementara Puteri disuruh menjaga huma. Sambil menjaga huma itu puteri menyanyi menghalau burung sambil menyatakan peri kebodohan raja:

“Siuh siuh pipit uban,
jangan dimakan padi raja,
raja buta raja pekak,
kiwi kiwi (hantu paku) dikatakannya tuan puteri,
tuan puteri dikatakannya kiwi-kiwi.”

Tidak seekor pun burung yang memakan padi raja itu.

Pada suatu hari Lela Raja pergi ke huma. Terdengarlah ia suara lunak Puteri yang mendengarkan nasibnya sambil menjaga huma itu. Baharulah Lela Raja sedar bahawa puteri itu tunangannya yang sebenar.

Hantu Paku yang sudah beberapa lamanya menunggu di rumah menjadi marah. Ditelannya pinggan mangkuk dan periuk belanga supaya perutnya menjadi buncit seperti orang yang sedang hamil. Kemudian Hantu Paku menyuruh orang suruhannya memanggil Lela Raja pulang dengan alasan ia Hantu Paku sedang sakit hendak bersalin.

Lela Raja memerintah orang-orang suruhan itu membawa Hantu Paku ke huma. Mereka juga diperintah supaya, dalam perjalanan membawa Hantu Paku ke huma itu, menghentakkan tandu yang dinaiki Hantu Paku itu ke tunggul atau ke tebing atau ke batu yang dijumpai di tengah jalan; dan membenamkannya di dalam air sewaktu menyeberangi sungai. Orang-orang itu melakukan seperti yang diperintahkan oleh Lela Raja. Hantu Paku pun mati. Badannya dipotong-potong, dimasukkan ke dalam tempayan pekasam dan kemudian dihantar pulang ke rumah ibu bapanya.

Lela Raja dan Puteri hidup aman bahagia selama-lamanya.

Bawang Putih Bawang Merah

Seorang saudagar mempunyai dua orang isteri. Isteri tua mempunyai anak perempuan yang bernama Bawang Merah, dan isteri muda pula mempunyai anak perempuan yang bernama Bawang Putih. Emak Bawang Putih sangat bencikan madunya iaitu emak Bawang Merah. Pada suatu hari, sewaktu di perigi, isteri muda itu telah menolak madunya ke dalam perigi. Isteri muda itu berfikir tentulah madunya mati di dalam perigi itu. Sebenarnya madunya itu tidak mati tetapi bertukar menjadi ikan kaloi.

Bawang Merah tahu bahawa ikan kaloi itu emaknya yang telah ditolak ke dalam perigi. Tiap-tiap hari ia membawa makanan dan bermain dengan ikan itu di perigi. Bawang Putih yang selalu iri hati terhadap adik tirinya mengintai hal yang berlaku di perigi, dan kemudian memberitahu emaknya. Mereka bermuafakat untuk membunuh ikan kaloi itu.

Pada esoknya Bawang Merah disuruh oleh emak tirinya pergi jauh dari rumah mencari kayu api. Semasa permergian Bawang Merah itu, Bawang Putih dan emaknya pergi ke perigi dan menangguk ikan kaloi lalu dibawa pulang. Apabila Bawang Merah balik dari mencari kayu api ia disuruh menyangkan ikan dan menggulaikannya. Walaupun Bawang Merah tahu bahawa emaknya telah dianiyai (untuk kali keduanya) ia tidak dapat berbuat apa-apa, hanya dengan sedih menurut perintah ibu tirinya itu. Setelah gulai siap dimasak, Bawang Merah disuruh makan. Bawang Merah tidak memakan ikan itu tetapi dijatuhkannya melalui lubang-lubang di celah-celah lantai.

Sesudah makan Bawang Merah mengutip tulang-tulang ikan itu lalu menanamnya di suatu tempat. Pada esoknya, apabila ia pergi ke tempat ditanamnya tulang itu, didapatinya di situ telah tumbuh sebatang pohon beringin yang cantik 'seperti mahligai'. Di pohon inilah Bawang Merah bermain buaian tiap-tiap hari selepas bekerja.

Bawang Putih mengaku bahawa buaian sakti itu kepunyaannya tetapi bagaimanapun ia mencuba untuk menaiki buaian itu, ia masih tidak berjaya. Bawang Putih mengerah orang untuk memukul Bawang Merah. Bawang Merah menaiki buaian di pohon beringin itu yang semakin lama semakin tinggi dan akhirnya hilang dari pandangan Bawang Putih dan emaknya.

Cerita Kerbau Jalang

Seekor kerbau jalang (asalnya manusia) melahirkan tujuh orang puteri di dalam sebuah gua jauh dari kampung manusia. Ketujuh-tujuh orang puteri itu yang cantik-cantik belaka, mendapat makanan dan pakaian yang dicari oleh ibu mereka iaitu Kerbau Jalang itu. Setelah beberapa tahun mereka pun besarlah.

Pada suatu hari seorang pemburu telah ternampak kerbau itu pulang dan menyeru anaknya supaya membuka pintu gua serta melaksanakan syarat-syarat yang ditentukan oleh anak-anaknya itu. Pada hari esoknya, semasa Kerbau Jalang itu keluar mencari makanan, pemburu dengan enam orang kawan-kawannya pergi ke gua itu lalu menyeru seperti yang dilakukan oleh kerbau itu menyuruh puteri-puteri itu membuka pintu. Dengan tipu helah mereka, mereka dapat yakinkan puteri-puteri itu bahawa yang menyeru ialah ibu mereka. Merekapun membukakan pintu gua itu. Pemburu-pemburu itu menangkap mereka dan membawa puteri-puteri itu pulang ke kampung mereka di mana mereka berkahwin.

Sementara itu Kerbau Jalang itu pulang dan mendapati pintu gua terbuka dan anak-anaknya tiada lagi. Ia merayau ke dalam kampung sambil memanggil-manggil anak-anaknya. Setiap kali ia sampai ke rumah seorang daripada anak-anaknya, anaknya berpura-pura tidak mengenalinya; dan menyuruh suaminya memukul kerbau itu. Emak rumah anaknya dilawati, enam kali pula ia dipukul hingga patahlah tanduk dan kaki-kakinya. Dalam keadaan setengah mati Kerbau Jalang itu sampai di rumah puteri bongsunya. Puteri Bongsu yang mengenali suara ibunya, terus mengambil kerbau itu dan merawatnya. Malangnya kerbau itu mati. Tetapi sebelum ia mati, kerbau itu telah memuntahkan dari dalam perutnya emas kekayaan kepada anak bongsunya itu. Hiduplah Puteri Bongsu itu bersama suaminya dalam kemewahan dan kebahagiaan manakala kakak-kakaknya yang enam orang itu hidup di dalam kesusahan dan kemiskinan kerana disumpah oleh ibu mereka.

Bungsu Berlaki Ular

Suatu keluarga yang miskin diam di tepi hutan. Keluarga itu terdiri dari tujuh orang anak perempuan yang dijaga oleh bapa mereka. Ibu mereka sudah lama meninggal dunia. Tiap-tiap hari mereka memetik sayur-sayuran dan pucuk-pucuk kayu seperti pucuk paku di dalam hutan-hutan untuk dibuat makanan.

Pada suatu hari, tempat yang selalu budak-budak itu memetik pucuk paku telah ditunggu oleh seekor ular sawa yang amat besar. Tidak seorang pun yang berani pergi memetik pucuk paku itu lagi. Tetapi atas desakan ayahnya, si bungsu pun masuk ke hutan untuk memetik pucuk paku – sedang ia di hutan itu ular sawa itu telah menyapanya dan mengajak si bungsu berkahwin dengannya. Si bungsu, dalam ketakutan, bersetuju dan ular itu pun mengikutnya pulang. Ular itu memuntahkan wang yang banyak sebagai bayaran maskawin, dan mereka pun berkahwinlah.

Pada malam itu ular sawa itu menanggalkan sarungnya dan menjelmalah seorang pemuda yang kakak tampan dengan pakaian intan berlian. Si bungsu mengambil sarung ular itu semasa suaminya tidur, lalu membakarnya. Arang dari bakaran itu apabila ditaburkan menjadi rumah yang cantik, jabatan emas dan ayam itik.

Kakak-kakaknya yang melihat tuah adik bungsu itu sangat iri hati. Pada esoknya seorang dari mereka telah pergi ke hutan memetik pucuk paku. Tapi tujuannya yang sebenar ialah untuk mencari suami seperti yang didapati oleh si bungsu. Semasa di hutan itu ia telah menjumpai seekor ular, lalu dibawanya pulang. Berkahwinlah kakak ini dengan ular sawa itu. Pada malamnya si bapa mendengar anaknya mengering kesakitan. Disangkanya yang anaknya itu sedang dipakaikan gelang kaki oleh suaminya. Bila anaknya mengerang, 'aduh, sakitnya pinggang!' si bapa menyangka anaknya sedang dipakaikan pending, dan seterusnya rantai leher; anting-anting dan cucuk sanggul.

Pada pagi esoknya barulah diketahui bahawa ular yang dikahwini kakak si bungsu itu ialah ular sawa yang sebenar.

Kempunan Pisang

Seorang kanak-kanak yang suka makan pisang telah mengambil beberapa buah pisang dari tandan yang digantung oleh ayahnya di cucur atap rumahnya. Bapanya memarahi anak itu kerana pisang belum masak kesemuanya. Hiba hati anak itu, lalu ia mengambil ayam denak kesayangannya dan menaiki sebuah batu besar di belakang rumahnya. Ia menyanyi menyuruh batu itu naik ke langit. Batu itu semakin lama semakin tinggi hingga anak itu sampai ke awan.

Ayam didik yang dibawa oleh anak itu pun berkokok. Apabila bapa budak itu terdengar sayup kokok ayam, ia pun keluar dan mendapati anaknya sudah tinggi di awang-awangan. Diambilnya beliung dan kapak untuk menebang batu itu. Akhirnya batu itu jatuh berkecai, tetapi anaknya sudah hilang di dalam awan.

Ikan Temakul (Penutur: Khatimah binti Pucut)

Seorang janda mempunyai dua orang anak. Anak yang tua, perempuan berna-

ma Melur, yang kecil lelaki, bernama Malar. Tiap-tiap hari si ibu menangguk ikan temakul. Setiap kali ia mendapat ikan temakul yang bertelur ia menyuruh Melur menggoreng telur itu; dan tiap-tiap kali pula dihabiskan oleh Malar. Akhirnya ibu yang kempunan itupun merajuk lalu lari ke tempat batu puaka. Diserunya batu itu:

“Batu belah batu bertaup,
telanlah aku hulurlah aku
kempunan telur temakul.’

Batu puaka itu terbuka dan menelan si ibu yang kempunan itu lalu tertutup semula. Puaslah anak-anaknya mencari ibunya yang sudah hilang, masing-masing lapar nasi dan susu.

Sang Kancil Mencuri Hati Buaya

Singa, raja segala binatang, telah memerintah Sang Kancil, tupai, harimau, anjing dan gajah mengambil hati buaya yang mengganas di sebuah sungai. Sambil harimau, anjing dan gajah termangu-mangu memikirkan bagaimana hendak mengambil hati buaya yang garang itu, Sang Kancil menyuruh tupai memanjat pohon kelapa di tepi sungai, menebuk sebutir kelapa dan masuk ke dalamnya.

Apabila kelapa itu jatuh buaya yang garang itu pun menyambar lalu menelannya. Bila kelapa itu sudah masuk ke dalam perut buaya, tupai pun keluar dari dalam kelapa lalu menggigit hati buaya. Buaya pun matilah dengan mulut ternganga. Tupai keluar dari mulut buaya dengan hati buaya itu. Hati buaya itu dipersembahkan kepada singa. Legalah hati Sang Kancil, tupai, harimau, anjing dan gajah.

Sang Kancil Berpantun

Pada suatu hari singa, raja sekalian binatang mahu mendengar cerita. Yang mengadap raja pada masa itu ialah Sang Kancil, gajah, harimau, tupai dan anjing. Masing-masing, yang sudah senang hati selepas Sang Kancil dan tupai berjaya mendapatkan hati buaya untuk raja, sekarang sekali lagi menghadapi suatu masalah yang amat besar kerana tidak sesiapa pun dari mereka yang tahu bercerita. Masing-masing diam kerana memikirkan sesuatu cerita yang boleh diceritakan kepada raja.

Sang Kancil memerhati kawan-kawannya. Harimau meniarap, tupai asyik melompat dan anjing mencangkung. Melihat perangai anjing, Sang Kancil pun mendapat satu ilham.

Sang Kancil meminta kebenaran dari singa untuk berpantun. Setelah mendapat kebenaran, Sang Kancil pun berpantun:

Pucuk menggung buah cenerai,
duduk mencangkung buah terkulai.

Pantun Sang Kancil sungguh menggelikan hati raja, tapi ini sungguh-sungguh menyinggung perasaan anjing. Sejak itulah anjing bermusuhan dengan Sang Kancil.

Sang Kancil Beradu Kekuatan

Singa, raja sekalian binatang, hendak mengetahui siapakah di antara binatang-binatang yang paling kuat. Gajah mencadangkan supaya suatu peraduan kekuatan diadakan. Binatang-binatang pun dibawa oleh singa ke suatu tunggul banir pokok

kempas. Mata Sang Kancil yang tajam itu ternampak lubang kumbang pada banir kempas itu.

Gajah memulakan peraduan dengan menyepak banir itu dengan sekuat tenaganya. Banir itu tetap tegak. Kaki gajah yang sakit. Harimau pula menendang banir itu. Terkelepot kakinya. Apabila tiba giliran Sang Kancil, dia pun menendang banir kempas itu pada lubang kumbang di banir itu. Kakinya tembus keluar menerusi lubang kumbang itu ke sebelah sana banir itu.

Nyatalah pada sekalian binatang dan juga Singa bahawa Sang Kancillah binatang yang terkuat di kalangan masyarakat binatang. Bagaimanapun harimau dan gajah menaruh dendam terhadap Sang Kancil.

Sang Kancil Dengan Orang Minangkabau

Tujuh orang Minangkabau masuk ke dalam hutan kerana mencari rotan. Hari hampir gelap. Orang-orang Minangkabau itu tahu bahawa di hutan terdapat banyak gajah. Jadi mereka takut tidur di atas tanah. Sang Kancil yang ada di situ menasihatkan mereka supaya tidur di atas pokok. Ketujuh-tujuh orang itu pun memanjat sebatang pokok meranti yang amat besar. Oleh kerana batang pokok itu tidak dapat dipeluk Sang Kancil mencadangkan supaya mereka memanjat pokok itu dengan menggunakan akar-akar yang bergantung di pokok itu. Sang Kancil pun beredar dari situ. Setelah sampai di atas pokok mereka potongkan akar-akar itu kerana takut kalau-kalau gajah menarik akar itu dan mereka mungkin jatuh bersama.

Bila hari siang mereka tidak dapat turun kerana tiada lagi akar. Atas cadangan seorang dari mereka, mereka pun bersetuju turun dari pokok itu dengan cara bergantung bersambung-sambung. Lima dari mereka selamat sampai ke bawah. Tinggal dua orang masih bergantung — seorang memaut kaki yang seorang lagi yang memaut dahan pokok. Oleh kerana letih yang memaut dahan itu melepaskan dahan itu lalu kedua-duanya jatuh ke bumi terus mati.

Yang lima orang lagi merayau di hutan lagi mencari rotan. Bila hari hampir malam mereka pun mulalah mencari tempat yang selamat untuk tidur. Mereka terjumpa sebatang batang pokok yang besar yang berlubang. Kelima-lima orang Minangkabau itu masuk ke dalam batang pokok itu. Supaya tidak diganggu gajah, mereka pun menyalakan api di kedua-dua hujung lubang batang pokok yang rebah itu. Semakin lama api membakar kedua-dua hujung pokok itu ke arah tengah. Kelima-lima orang di dalam batang itu berkelahi antara sama sendiri kerana hendak duduk di tengah. Akhirnya kesemuanya mati dibakar api.

Dua orang Minangkabau, seorang mertua dan seorang ipar kepada mereka yang mati itu, masuk ke hutan mencari menantu/ipar mereka. Malam pun tiba dan kedua-dua orang pun bersiap untuk tidur dekat pangkal sebuah pokok. Sang Kancil yang ada di situ memberitahu bahawa harimau dan buaya telah bermuafakat tentang mangsa-mangsa mereka: di darat makan harimau, di air makanan buaya. Sang Kancil menasihatkan supaya mereka (dua orang itu) tidur terlentang di tebing sungai dengan sebab-sebab tertentu.

Setelah mereka tidur seperti yang dinasihatkan oleh Sang Kancil, harimau pun tiba dan mula menghidu muka orang Minangkabau itu. Apabila misai harimau ter-

cucuk lubang hidung orang itu ia pun terbersin. Harimau terkejut dan melompat terus jatuh ke dalam sungai ke dalam mulut buaya. Terselamatlah dua orang Minangkabau itu dari menjadi makanan harimau.

Buah Sudah Gugur

Peladang dua laki bini membuat huma. Pada suatu petang peladang pergi ke huma untuk menarah rumput kerana padi yang ditanam sudah tinggi permatang. Sedang ia merumput itu keluar harimau dua laki bini. Peladang itu nampak harimau datang. Dia menggeletar ketakutan, tertanggal kainnya. Melihat rimau datang, peladang itu pun menonggeng.

Pada masa dulu harimau pandai bercakap. Harimau jantan menghampiri peladang, memanggil bininya, 'mari sini sekejap. Ni, buah ni dah tua, dua tiga hari lagi gugurlah. Tiga hari lagi kita datang ke sini lagi.'

'Yalah', kata rimau betina. Mereka pun beredar dari situ.

Bila ia melihat rimau kedua tiada lagi, peladang itupun lari sekuatnya pulang – tanpa kainnya. Sampai di rumah, isterinya bertanya, 'apa kena?'

'Aku takkan ke ladang lagi!'

'Mengapa pula?'

'Harimau!'

'Mana ada harimau?'

'Itulah kau tak percaya, Aku takkan pergi lagi. Kalau kau nak pergi, pergi masa petang. Tapi, kalau rimau datang, tonggenglah.'

Bini peladang pun pergi ke huma. Sejurus kemudian rimau pun tiba. Si bini peladang nampak rimau datang, terus menonggeng. Bila harimau menghampirinya, iapun mengeluh 'alah hai!'

'Apa pulak?'

'Dah gugur! tinggal tampuk saja. Baru lagi jatuh. Getah masih menitik lagi. (Bini peladang terkencing ketakutan).

'Itulah, kalau kelmarin diambil buah tu, kan baik? Ini entah rezeki siapa.'

'Bukan rezeki kita. Marilah kita balik. Lain kali kita datang lagi.'

Dari hari itu si peladang dua laki bini tidak lagi pergi ke huma.

Cerita Pak Pandir

Mak Andeh menyuruh Pak Pandir memasak kundur. Pak Pandir yang bodoh itu pun memasak anaknya yang bernama Kundur. Matilah Si Kundur. Kata Pak Pandir, 'Eh, dah utih atasnya, dah utih ata!'

Mak Andeh menyuruh Pak Pandir membeli kerbau. 'Cam ana abau,' tanya Pak Pandir dengan pelatnya. 'Yang makan rumput itulah kerbau,' kata Andeh. Dibeli oleh Pak Pandir sabit.

'Mana kau bubuhkan kerbau tadi?'

'Tu ha! tu ha! eh, ijak abau ini karang, ijak abau ni karang.'

Kerbau mana boleh dipijak. Sabit yang dibelinya itu.

Mak Andeh menyuruh Pak Pandir masak, 'karang, masaklah kangkung, rebah-

rebah bangun.' Pak Pandir pun merebus kangkung, tapi bukan kangkung yang direbah-rebah bangun. Pak Pandir yang rebah bangun, tergolek gelemgang.

Mak Andeh pulang lalu melihat kangkung rebus. 'Mengapa kangkung ini empuk benar?'

'Eh, ebah angun, ebah angun tadi angkat,' kata Pak Pandir.

Mak Andeh menyuruh Pak Pandir menjemput lebai, 'pergi jemput lebai, kita nak kenduri.'

'Cam anak ebai ni?'

'Yang berjanggut, yang berkopiah putih tu lebailah.'

Pak Pandir berjumpa kambing. Diajaknya balik.

'Bek,' kata kambing.

'Tam ambek (lambat), areh (deras),' kata Pak Pandir. Dihalaunya kambing. Kambing pun lari.

Kemudian dia berjumpa bangau. Diajaknya bangau. Bangau pun terbang.

'Dia dah abang, tak apatlah.'

Orang-orang yang datang itu fikir lebai sedang bang azan. Mereka tunggu juga. 'Apa lebai ni, tak habis-habis bang?'

'Dah bang,' kata Pak Pandir.

Tamak Dengan Syukur

Tamak berkawan dengan Syukur. Syukur, dapat sedikit, bersyukur kepada Tuhan. Tamak tidak; semua tak cukup. Tiap-tiap pagi lepas sembahyang subuh, Syukur hilang. Tamak hairan, lalu bertanya, 'kau pegi mana Syukur?' Syukur enggan memberitahu walaupun Tamak bertanya berkali-kali. Akhirnya Syukur memberitahu Tamak bahawa dia pergi mengambil intan di Bukit Intan.

Syukur menyuruh Tamak masuk ke dalam sebuah tempayan selepas sembahyang. Geruda akan datang mengambil tempayan itu dan membawanya ke Bukit Intan. Tapi Tamak mestilah jangan bising mesti diam membatu. Tamak bersetuju dan lakukan seperti suruhan Syukur.

Selepas Tamak sembahyang dan masuk ke dalam tempayan itu Geruda pun tiba membawanya ke Bukit Intan dan meninggalkannya di situ. Tamak pun keluar dan mengisi tempayan itu dengan intan. Sejurus kemudian datang semula. Tamak nampak Geruda datang lalu masuk ke dalam tempayan. Geruda pun mengambil tempayan itu lalu terbang. Bila dirasainya tempayan itu masih lega, Tamak tutuh bercakap, 'Ah lega lagi, kalau aku isikan lagi tadi!'

Bila Geruda mendengar orang bercakap dia pun melepaskan tempayan itu. Untung Tamak tak mampus.

Semangat Padi

Semangat padi itu (macam) kanak-kanak. Orang menjemur padi di atas pulau. Dia terlupa mengambilnya. Bila malam ada orang terdengar bunyi orang menangis. Dan apabila disiasat didapati bahawa yang menangis itu ialah padi yang dijemur yang tidak diangkat itu. Yang menangis itu semangat padi itulah.

Pada masa dahulu ada banyak pantang larang yang berkaitan dengan padi. Kalau hendak mengamit. Jadi kita mesti duduk bertimpuh, bersila, memberi salam dan sebagainya. Sekarang pantang larang itu tidak dipatuhi lagi.

Padi Bersemangat

Padi memang ada semangat. Dulu-dulu kala, buah padi itu besar seperti buah kelapa. Kalau hendak dimasak buah itu ditukik.

Satu hari, seorang anak dara menanya emaknya, Mak, hari ini berapa putik padi hendak dimasak?’

‘Masaklah setukik dua tukik,’ kata emaknya. Tiap-tiap hari anak ini bertanya kepada emaknya berapa banyak putik padi yang hendak dimasak. Emaknya pun terlalu bosan mendengar pertanyaan itu selalu berkata, ‘masaklah secupak dua cupak, serai dua rai.’ Ketika itu juga padi itu berderai menjadi butir-butir padi seperti yang ada sekarang.

Apabila padi sudah berderai iapun ditanam di sawah. Bila padi masak padi itu akan berderet pulang sendiri ke rumah tuannya. Pada suatu hari dua orang anak dara sedang mencari kutu di muka pintu. Ketika itu padi sedang berderet hendak masuk ke rumah.

Kata padi, ‘Enjaklah sedikit, saya nak lalu.’

Jawab anak dara itu, ‘kepala orang sedang gatal. Kau membising sajalah.’ Mendengar jawapan itu padi pun merajuk lalu berkata, ‘biarlah saya balik ke sawah. Kalau esok-esok tak membawa parang, takkan saya balik.’ Itulah sebabnya hingga sekarang pun orang terpaksa pergi ke sawah menyabit atau menuai padi.

Padi yang disimpan di rumah juga mesti dihormati. Jika tidak, misalnya kita bersiul di waktu senja atau malam, padi itu akan lari dari rumah kita.

Semangat padi samalah dengan semangat kanak-kanak. Itu sebab, jika kanak-kanak bermain beras atau padi, kita tak boleh memukul tangannya.

Sebab Setengah Orang Tidak Memakan Daging Rusa

Setengah orang tak memakan daging rusa sebab rusa itu asalnya orang. Orang yang kena pekung. Bila pekung yang di kaki orang itu dihurung oleh pijat-pijat, orang itu menjerit kesakitan, terus lari ke hutan lalu menjadi rusa.

Kekasih Rusa

Pada masa dahulu binatang-binatang boleh bercakap macam manusia. Ada seorang anak dara berkasih-kasih dengan rusa. Tiap-tiap hari mereka berjumpa.

Pada suatu hari rusa itu keluar hutan lebih awal dari biasa. Ia ternampak oleh orang kampung. Orang-orang kampung pun mengejar dan menangkapnya lalu disembelih. Mereka, termasuk ibu si dara itu, tidak tahu yang rusa itu kekasih anak dara itu.

Keramat

Di Pegoh ini ada keramat. Nisan di makamnya terkapar saja. Ada orang yang sudah mencuba menegakkan batu nisan itu dengan mengadakan upacara korban kambing dan sebagainya. Tetapi usaha itu gagal; nisan itu rebah semula.

Di Pulau Besar pun ada keramat. Ulama-ulama yang tinggi pengetahuannya dengan serta-merta tahu sekiranya sesuatu tempat itu ada keramat apakala ia menem-puhi tempat itu.

Istimewa keramat ini ialah jika orang berhajat bersungguh-sungguh, permintaannya akan dikabulkan. Tapi kita sebenarnya meminta kepada Tuhan melalui keramat itu, kerana Tuhan yang memberi sesuatu mertabat itu kepada seseorang. Tuhan menilik dulu pintu hati orang sebelum menganugerahkan sesuatu mertabat. Hati yang cukup bersih saja yang boleh mendapat mertabat itu dari Tuhan.

Harimau keramat pun ada juga. Kadang-kadang ia sangat besar, kadang-kadang kecil, kadang-kadang nampak jauh besar, bila dekat nampak kecil.

Keramat Tok Jambar

Ada orang miskin yang berasal dari Melekek, dari suku Biduanda. Semasa dia datang ke sini (Sungai Buluh), dia terjumpa buah kelapa di tengah jalan. Kelapa ini bergolek di kakinya. Bila disepak, balik dia bergolek ke kaki orang ini. Pada mulanya dia bercadang hendak singgah di rumah mertuanya kerana hendak membelah kelapa itu. Tapi berat hatinya hendak belah kelapa itu lalu dibawa pulang. Sampai di rumah kelapa itupun disimpannyalah.

Apabila isterinya hendak masak, kelapa itu pun dibelahnyalah. Bila dilihat di dalam kelapa itu terdapat emas. Dia pun bahagikanlah emas itu dengan saudara-saudaranya.

Sekarang tidak ada lagi emas itu. Emak Si Yatim menggadai dan menjualkan emas itu. Sekarang dia gila — sebab dia menjual harta pusaka — kalau digadai kerana perlukan wang, barang-barang itu mestilah ditebus semula. Jika tidak si penggadai akan jadi gila.

Kalau membuat sesuatu kenduri (beradat / b ə y ə l ə ɾ / kita mesti ingatkan datuk nenek kita; mesti memberitahu Tok Jambar. Di rumah Incun di Kati, ada orang seperti kena cekik; menjulur lidahnya. Itu ialah kerana ia tidak memberitahu Tok Jambar apabila mengadakan kenduri.

Emak Si Inok, kelmarin semasa hendak berkenduri pergi meminta pada Tok Jambar. Dapat periuk belanga, pinggan mangkuk berbakul-bakul. Sekarang ini tak boleh dapat lagi begitu sebab banyak alat-alat itu sudah pecah dan tidak digantikan oleh sipeminjam.

Hantu Tinggi/Bandan

Hantu Tinggi itu betul-betul tinggi, hampir mececah awan. Dia boleh melangkah bumbung rumah dengan satu langkah saja. Kakinya lurus kerana dia tidak mempunyai sendi.

Hantu Tinggi itu asalnya mani orang yang berzina di atas kubur. Mani dari orang perempuan itu menjadi hantu bandan, mani lelaki menjadi hantu tinggi.

Hantu ini jahat. Seboleh-bolehnya dia nak menyusahkan orang. Tapi ada ayat Qur'an yang ditakutinya:

Kulhuallah hu Ahad
Allah hussamad
Lam Yalid walam Yulad
Walam Yakul lahu Kuffuan Ahad
Yuhib burga Salammun
Khaulan burrahim
Aku tahu asal kau jadi
Dajal laknatullah asal kau jadi
Datang kau dari Bukit Kaf
Kembali kau ke Bukit Kaf .
Ah Ah, Mah Mah.

Kalau orang dirasuk hantu, ambil durian belanda, daun enau, air pinang masak dan kemudian ramaskan kesemuanya. Beri si pesakit minum air itu. Hantu yang masuknya tentu lari, tak datang lagi.

Hantu Tinggi

Hantu Tinggi itu boleh berubah-ubah. Semakin kita sebut, 'hantu!' dia semakin tinggi. Akhirnya, leher kita melekat (menjadi kejang) kerana mendongak.

Hantu Tinggi itu asalnya orang pergi memburu rusa jantan beranak jantan yang diidam oleh isterinya. Isterinya sebenarnya berkata yang ia mengidam rusa beranak jantan. Berapa lama pun dia memburu dia tidak juga mendapat rusa jantan beranak jantan; mana ada. Semuanya rusa betina yang beranak jantan. Sebab ia tidak dapat itulah sebab dia menjadi hantu tinggi.

Hantu-hantu Lain

Hantu raya itu, serupa dengan hantu toyol, boleh dipelihara. Hantu toyol boleh dijual kepada orang lain. Selalunya orang perempuan yang memelihara hantu toyol ini.

Hantu toyol boleh disuruh masuk mencuri di rumah orang. Tetapi kalau kita tahu ada hantu toyol masuk ke rumah kita, ada satu cara yang boleh kita lakukan untuk menghalang dia. Taburkan kacang hijau di atas lantai. Hantu itu akan mengutip kacang itu satu demi satu hingga habis, sampailah hari siang. Bila semua kacang sudah dikutip barulah dia balik.

Hantu toyol itu, bila mencuri, tidak mengambil semua wang yang ada supaya kecurian itu tidak ketara atau tidak disedari oleh tuan punya wang itu. Dicuri sedikit wang di satu rumah, dan sedikit lagi di rumah lain. Tapi orang yang memelihara hantu ini bukan dapat hidup mewah. Hantu itu tidak akan membenarkannya membelanjakan wang yang dicurinya.

Pontianak pula terjadi dari orang perempuan yang mati beranak.

Hantu Bungkus

Hantu bungkus juga terjadi dari orang mati. Mayat si mati, semasa dikapankan, biasanya diikat kepala, pinggang dan kakinya. Jika, semasa mayat itu dikebumikan, tali-tali pengikat itu tidak dipotong atau dibuka, mayat itu akan menjadi hantu bungkus.

Pelesit

Orang mempunyai ilmu dunia selalunya hilang ilmunya kalau ia terlangkah tahi memerang. Memerang memang selalu berak di tempat orang lalu lalang kerana dia disuruh oleh nabinya meluruhkan ilmu dunia yang ada pada manusia. Jadi, jika kita hendak meluruhkan ilmu sihir seseorang itu, ambil tahu memerang dan dibakarkan; kemudian disimpan di dalam kotak mancis. Bila orang yang mempunyai ilmu sihir datang ke rumah kita, letakkan kotak mancis itu di muka pintu. Bila orang itu melangkah kotak itu, ketika itu juga ilmu sihirnya akan gugur.

Kalau anak kita selalu dirasuk hantu, ambil sedikit berak memerang yang dibakar itu, bungkuskannya bersama bawang jantan dan lada hitam; dan kemudian balutkan kesemuanya dengan timah hitam untuk dibuat tangkal. Ikatkan tangkal itu dileher anak itu.

Pelesit boleh dibuat dari belalang. Goreng belalang hidup dalam minyak kelapa hijau yang dicampurkan dengan bawang putih dan bawang merah. Orang yang membuat pelesit itu mestilah gunakan lututnya sebagai tungku meletak kuali semasa menggoreng itu. Perbuatan ini mestilah dijalankan di simpang jalan.

Mentera atau serapah untuk menghalau pelesit ialah seperti berikut:

Kulhuallah hu Ahad (sampai tamat)

Yuhibbura Salamun)

Khaulan murrachim)

Khaulan murrachim)

Aku tahu asal kau jadi

Minyak kelapa hijau asal kau jadi

Datang kau dari Bukit Kaf

Kembali kau ke Bukit Kaf

Nabi kau Ah Ah, Mah Mah) 3 kali

Bila dibaca serapah ini si pesakit akan menggelupur seperti belalang digoreng. Pelesit itu akan kesakitan dan menggelupur hendak pulang.

Polong

Hantu polong itu sebenarnya orang perempuan. Pada waktu malam dia menanggalkan kepala dari badannya. Dengan tali perutnya terburai dia akan terbang mencari mangsanya.

Pada suatu malam ada orang ternampak badan polong itu terlentang tanpa kepala. Dia pun membalikkan badan itu dan kemudian lari dari situ. Bila polong itu pulang dia terus masukkan semula tali perutnya ke dalam badannya. Apabila ia bangun pada esoknya didapati mukanya arah ke belakang. Alangkah malunya dia. Pada malamnya barulah dia betulkan kedudukan kepalanya semula.

Pontianak

Pontianak mengganggu orang pada malam hari. Bila kita lalu dekat tempat yang ditungguinya dia akan memanggil kita. Jika kita menyahut dan memandang kepadanya, dia akan bergantung di pokok, kaki ke atas dan kepala ke bawah sambil mengilai.

Pontianak itu asalnya orang perempuan mati beranak sulung. Orang perempuan mati beranak sulung, jika tidak diberi jarum dan lain-lain benda¹ pada mayat itu, ia akan menjadi pontianak.

Ada satu serapah yang bunyinya seperti mencarut yang boleh menakutkan pontianak:

Tang² mana datang tadi
dari bukit rimba raya
apa buat rimba raya
ambil kapak dalam pahat
apa kapak dalam pahat
kapak butuh dalam puki.

Hantu Tinggi (Khatimah binti Pucat)

Hantu Tinggi itu asalnya orang yang memburu rusa jantan beranak jantan untuk isterinya yang mengidam. Oleh kerana usahanya untuk mendapat rusa jantan beranak jantan itu tidak berhasil ia pun menjadi hantu. Sampai sekarang pun kita boleh dengar hantu itu berkeliaran diikuti oleh anjingnya mencari rusa jantan beranak jantan. Kita boleh dengar dia pada waktu malam dengan nyanyian seperti itek.

Tapi kita boleh gunakan serapah ini untuk menghalau dia:

O nenek serampang basah
Anak cucu mengidam
nak makan buah tak bertampuk
nak makan urat tak berkepala
bunyi dekat makan jauh.

¹ jarum di tapak tangan, telur di celah ketiak, dan emas Mayat tidak akan bergerak kerana takut jarum, telur jatuh.

² tang – dari

Rujukan

- Dussek, O.T. (ed.) *Hikayat Pelanduk Jenaka*, Malaya Publishing House, Singapura 1915.
- Edmonson, Munro, S. *Lore, An Introduction to the Science of Folklore and Literature*. Holt Rinehart & Winston, New York 1971.
- Endicott, K.M. *An Analysis of Malay Magic*, Oxford Clarendon Press, 1970.
- Mc Kean, Philip F. "The Mouse-deer in Malaya-Indonesian Folklore", *Asia Folklore Studies* vol. XXXI 1971.
- Pawang Ana & Raja Haji Yahya, *Hikayat Raja Muda*, Oxford University Press. Kuala Lumpur 1965.
- Raja Haji Yahya. *Cerita Jenaka*. Oxford University Press. Kuala Lumpur, 1963.
- Shellabear, W.G. (ed.), *Hikayat Seni Rama*, *JMBRAS* Vol. 71, 1915.
- Skeat, W.W., *Malay Magic*. Mac Millan & Co. Ltd. London 1900.
- Winstedt, R.O. *The Malay Magician*. Routledge & Kegan-Paul, London, 1951.
- Winstedt, R.O. & Sturrock, A.J. (ed.). *Hikayat Awang Sulong Merah Muda*. MPH Ltd. Singapore 1957.
- Winstedt, R.O. & Sturrock, A.J. (ed.) *Hikayat Malim Deman* MPH Ltd. Singapore 1957.